

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN SITI FATIMAH BINTI YAHAYA

TARIKH : SEPTEMBER 2020

SOALAN NO. 110

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan akan mempertimbangkan permintaan Kerajaan Negeri Pahang untuk mengembalikan semula jajaran asal dalam projek Keretapi Laju Pantai Timur (ECRL) bagi memastikan projek itu mencapai matlamat asal pelaksanaannya.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, jajaran projek ECRL ini telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Seksyen A (jajaran dari Kota Bharu – Dungun), Seksyen B (jajaran dari Dungun – Mentakab) dan Seksyen C (jajaran dari Mentakab – Pelabuhan Klang).
2. Bagi jajaran Seksyen C (Mentakab – Pelabuhan Klang), Kerajaan sedang mempertimbangkan jajaran asal melalui Bentong, Gombak dan seterusnya ke Pelabuhan Klang di mana ianya telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Jun 2020.
3. Berdasarkan hasil mesyuarat tersebut, beberapa siri perbincangan dan mesyuarat susulan telah dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan dengan kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat bagi membincangkan pindaan jajaran oleh Kerajaan Negeri Pahang.
4. Pada masa yang sama satu kajian sedang dijalankan oleh Kementerian Pengangkutan bagi memperhalusi cadangan mengembalikan jajaran Seksyen C kepada jajaran asal melalui Bentong dan Serendah. Proses ini perlu dijalankan untuk Kerajaan mengambil kira beberapa faktor seperti *viability of project*, kesalinghubungan rel dan juga implikasi kewangan sebelum kelulusan diberikan bagi jajaran ini.
5. Seterusnya, pihak Kerajaan akan berunding semula dengan pihak Kerajaan China dan kontraktor utama projek bagi mendapatkan kepastian

**NO. SOALAN: 110**

mengenai implikasi kos dan jadual pelaksanaan projek. Hasil rundingan ini akan dibentangkan kepada Kerajaan bagi keputusan muktamad mengenai jajaran Seksyen C (Mentakab – Pelabuhan Klang) projek ECRL.

Sekian, terima kasih.